



# Belanjawan 2025 Pemeriksaan Ekonomi Rakyat dan Pembangunan Negara

**P**engumuman Belanjawan 2025 yang berjumlah RM421 bilion telah menggariskan 59 langkah strategik untuk mempersiapkan ekonomi negara untuk menghadapi cabaran dan liku ekonomi pada tahun hadapan. Belanjawan ini juga merupakan siri penamat bagi kitaran komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan dalam perancangan pembangunan jangka sederhana, iaitu melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi tempoh 2021–2025.

Langkah yang dibentangkan dalam Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim boleh

dilihat sebagai kayu ukur yang signifikan terhadap pelaksanaan dan inisiatif yang dirancang dalam dokumen perancangan tersebut. Satu daripada aspek utama yang diberikan tumpuan ialah pemerkasaan ekonomi rakyat Malaysia yang kini berjumlah 34.1 juta orang.

Dalam konteks ini, Belanjawan 2025 memfokuskan tiga kategori utama, iaitu kos sara hidup dan pendapatan; pembangunan bakat dan intelek; serta keterangkuman penyertaan dalam sektor ekonomi. Ketiga-tiga aspek ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan rakyat dan menyediakan mereka peluang yang setara untuk turut serta dalam pembangunan sosioekonomi negara.

### **Sokongan terhadap Kos Sara Hidup dan Pendapatan**

Sehingga September 2024, indeks harga pengguna mencatatkan kenaikan sebanyak 1.8 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa kos sara hidup semakin membebankan rakyat, sementara tahap pendapatan kebanyakan rakyat masih kekal stabil. Dalam tempoh jangka pendek, Belanjawan 2025 menggariskan pelbagai langkah untuk meringankan beban kos sara hidup terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Bantuan tunai serta program subsidi bagi keperluan asas menjadi pendekatan untuk meningkatkan kuasa beli rakyat, sekali gus merangsang ekonomi domestik.

Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) berjumlah RM13 bilion merupakan langkah segera yang diperkenalkan bagi membantu 8.8 juta penerima

**Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) berjumlah RM13 bilion merupakan langkah segera yang diperkenalkan bagi membantu 8.8 juta penerima berpendapatan rendah di seluruh negara.**

berpendapatan rendah di seluruh negara. Di samping itu, program kawalan harga barang secara bersasar turut diperkenalkan, dengan kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk memastikan bekalan barangan keperluan asas dapat diperoleh pada harga yang berpatutan.

Selain itu, usaha untuk meningkatkan pendapatan dan gaji rakyat juga diberikan penekanan. Belanjawan 2025 menekankan kepentingan meningkatkan tahap gaji agar seiring dengan peningkatan kos sara hidup. Antara inisiatif yang diumumkan termasuklah peningkatan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700;

pelaksanaan Dasar Gaji Progresif; dan pengenalan garis panduan gaji permulaan untuk semua sektor pekerjaan.

Langkah ini menggambarkan komitmen kerajaan untuk merombak pasaran buruh dan memberikan peluang kepada golongan pekerja untuk menikmati kehidupan yang lebih sejahtera.

Namun begitu, usaha ini mungkin memberikan tekanan kepada majikan dan perniagaan. Oleh itu, perlu ada peningkatan kesedaran dalam kalangan majikan untuk mempertingkatkan produktiviti pekerja, yang sekali gus dapat meningkatkan daya saing perniagaan.





### **Pembangunan Intelek dan Bakat untuk Masa Depan Negara**

Belanjawan 2025 menekankan kepentingan pembangunan intelek dan bakat sebagai teras kepada kemajuan negara. Oleh itu, kerajaan memperuntukkan dana yang signifikan untuk mempertingkatkan infrastruktur pendidikan dan kesihatan, serta memastikan pembangunan modal insan yang mampan, khususnya di kawasan luar bandar.

Sebanyak RM127.4 bilion diperuntukkan untuk sektor pendidikan dan kesihatan, termasuklah RM64.1 bilion untuk Kementerian Pendidikan, RM18 bilion untuk Kementerian Pendidikan Tinggi dan RM45.3 bilion untuk Kementerian Kesihatan. Peruntukan ini akan digunakan untuk membina dan meningkatkan kemudahan sekolah, institusi pendidikan tinggi dan pusat kesihatan. Hal ini bertujuan untuk memberikan peluang pembelajaran yang setara kepada pelajar di luar bandar dan memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan.

Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan Program

Ketersambungan Infrastruktur Jalur Lebar Talian Tetap ke Sekolah-sekolah Luar Bandar dengan peruntukan RM100 juta. Usaha ini diharap dapat mengurangkan jurang digital dan mempertingkat capaian Internet berkelajuan tinggi di sekolah desa. Usaha ini bukan sahaja membantu dalam pembelajaran tetapi juga meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan yang berkemahiran digital, yang kini menjadi prasyarat baharu dalam kebanyakan sektor pekerjaan moden.

**Dalam mempersiapkan tenaga kerja untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0, kerajaan juga memberikan tumpuan kepada latihan kemahiran dalam bidang teknologi tinggi.**

Dalam mempersiapkan tenaga kerja untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0, kerajaan juga memberikan tumpuan kepada latihan kemahiran dalam bidang teknologi tinggi. Sebagai contoh, RM10 juta diperuntukkan bagi penubuhan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO), yang akan menjalinkan kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi untuk memastikan penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dapat dimanfaatkan dalam sektor ekonomi.

Program latihan dan kursus pensijilan dalam bidang teknologi moden seperti Internet Benda (IoT), sains data dan automasi industri turut disediakan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja di Malaysia. Dengan adanya program kemahiran seperti ini, graduan dan pekerja tempatan akan mempunyai daya saing yang lebih tinggi dalam pasaran kerja global yang kini semakin berdaya saing dalam era digital dan berteknologi tinggi. Langkah ini diharapkan dapat membantu Malaysia mencapai matlamat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dengan modal insan yang cekap dan inovatif.

### **Keterangkuman Penyertaan dalam Sektor Ekonomi**

Keterangkuman dalam sektor ekonomi merupakan kunci kepada pembangunan negara yang mampan. Bagi tujuan itu, Belanjawan 2025 menggariskan pelbagai inisiatif untuk memastikan penyertaan golongan wanita, belia, dan masyarakat minoriti dalam ekonomi



negara. Kerajaan turut memperkenalkan pelbagai program untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan, antaranya termasuklah program Returnship anjuran Bank Negara Malaysia yang bertujuan untuk membantu wanita kembali bekerja dalam sektor kewangan.

Kerajaan juga memperuntukkan dana untuk menyokong usahawan wanita, khususnya dalam perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS), dengan inisiatif seperti BRPlus dan BizLady di bawah Bank Rakyat, serta Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan SME Bank. Hal ini bertujuan untuk membantu wanita berdikari dari segi kewangan dan menyumbang kepada ekonomi keluarga dan masyarakat.

Bagi golongan belia, pelaburan dalam pendidikan dan latihan kemahiran juga diberikan perhatian khusus. Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta latihan kemahiran berkualiti turut disediakan bertujuan untuk menyediakan mereka

dengan keupayaan untuk bersaing pada peringkat global. Kerajaan juga memperuntukkan RM262 juta untuk membina 34 prasekolah baharu dan peruntukan RM9 juta bagi program pembangunan kanak-kanak yang menyasarkan golongan berpendapatan rendah.

### **Pemeriksaan Bahasa dan Karya Kreatif sebagai Sumber Ekonomi Baharu**

Industri seni dan kreatif merupakan satu daripada sektor yang semakin memberikan impak kepada ekonomi negara. Menyedari akan hal itu, Belanjawan 2025 turut memberikan tumpuan untuk menggalakkan aktiviti budaya, bahasa, dan kesusasteraan, serta kandungan kreatif, sebagai sumber kekayaan baharu. Sebagai contoh, peruntukan RM50 juta kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah untuk memelihara dan mengembangkan aktiviti budaya dan bahasa.

Melalui usaha pemuliharaan ini, kerajaan berharap dapat mewujudkan kesan limpahan positif kepada ekonomi negara melalui penganjuran acara berimpak tinggi, seperti

persidangan, pameran, dan festival bahasa, sastera serta kebudayaan. Selain merangsang pelancongan budaya, inisiatif ini juga berpotensi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab budaya serantau.

Belanjawan 2025 merupakan langkah yang berani dan strategik untuk memperkukuh asas ekonomi negara, meningkatkan kesejahteraan rakyat, serta mempersiapkan Malaysia untuk menghadapi cabaran global pada masa depan. Melalui pemeriksaan ekonomi rakyat, pembangunan intelek dan bakat, serta keterangkuman dalam sektor ekonomi, kerajaan berusaha untuk mewujudkan peluang yang lebih adil dan seimbang bagi semua golongan masyarakat, bagi mencapai negara yang lebih maju dan berpendapatan tinggi. <sup>END</sup>

**Dr. Muhammad Daaniyall Abd Rahman ialah Pensyarah Kanan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, manakala Muhammad Fikri Iqmal Abdull Najid ialah Penganalisis Ekonomi di Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA), THE FUTURE.**